

PELAKSANAAN WAKTU KERJA 45 JAM SEMINGGU DALAM ASPEK KEHARMONIAN PERUSAHAAN

1. PENGENALAN

Di bawah Seksyen 60 (A) Akta Kerja 1955, waktu kerja didefinisikan sebagai “jangkamasanya di mana pekerja berada di bawah kegunaan majikan dan ia tidak bebas untuk menggunakan masanya dan pergerakannya sendiri”. Waktu-waktu kerja ini merujuk kepada waktu yang ditetapkan oleh majikan di mana waktu-waktu kerja itu memenuhi beberapa syarat seperti yang ditetapkan dalam seksyen 60 A (1) Akta Kerja 1955 di mana memperuntukkan waktu kerja yang salah satunya adalah tidak boleh melebihi 48 jam seminggu.

Kerajaan komited bagi memastikan golongan pekerja negara ini mendapat faedah dan perlindungan yang ditetapkan oleh Konvensyen Buruh Antarabangsa (ILO) dan seterusnya berada di landasan ke arah pematuhan Konvensyen Buruh Antarabangsa tersebut. Sehubungan dengan itu beberapa pindaan dan peruntukan baru telah dibuat bagi menangani isu-isu semasa di tempat kerja dan antaranya adalah tempoh waktu bekerja daripada 48 jam kepada 45 jam seminggu. Walaubagaimanapun setakat ini pindaan waktu kerja telah ditangguhkan pelaksanaannya pada 1 Januari 2023, dimana pelaksanaan sepatutnya pada 1 September 2022.

Pelaksanaan waktu kerja kepada 45 jam seminggu ini dilihat sebagai keputusan yang adil kepada kedua-dua pihak majikan dan pekerja yang mana pada akhirnya akan memberikan kesan yang positif terhadap ekonomi dan kesihatan pekerja.

2. PELAKSANAAN NEGARA-NEGARA LAIN

Sebelum pelaksanaan beberapa pendekatan boleh diambil antaranya mengkaji perbandingan pelaksanaan di negaran lain dan tidak hanya berdasarkan pengalaman dan persepsi umum semata-mata. Perbandingan ini boleh dijadikan kayu pengukur kepada kejayaan pengurangan waktu kerja di kebanyakan negara-negara lain yang sudah mengamalkannya.

Kebanyakan negara-negara luar telahpun mengurangkan waktu bekerja dan ternyata ianya tidak menjejaskan sedikit pun produktiviti. Pekerja dikatakan lebih sihat dan produktif serta boleh mengurus kehidupan dengan baik selepas mencerna faedah keseimbangan kerja dan kehidupan.

Iceland antara kayu pengukur kejayaan kepada pengurangan waktu kerja di mana negara tersebut mengurangkan waktu bekerja dari purata 40 jam kepada 35 jam seminggu. Warga Iceland bekerja dengan beberapa hari atau jam dalam seminggu dan bokeh memilih mod

waktu bekerja berdasarkan pilihan masing-masing. Norway negara terkenal dengan undang-undang paling longgar rakyatnya hanya bekerja selama 33 jam seminggu. Belanda pula hanya bekerja 29 jam seminggu. Manakala Itali menetapkan waktu kerja 40 jam seminggu dan Singapura jiran terdekat telah mengamalkan waktu kerja 45 jam seminggu.

Negara yang disenaraikan itu telah membuktikan bahawa pelaksanaan pengurangan waktu kerja ini tidak menjejaskan produktiviti. Pekerja dapat menikmati hidup yang lebih sihat, bekerja tanpa tekanan dan seterusnya dapat menaikkan produktiviti dalam pekerjaan secara tidak langsung boleh mencapai keseimbangan dalam pekerjaan serta kehidupan pekerja.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

Dalam pelaksanaan pengurangan waktu kerja ini, Kementerian telah memperkenalkan tiga (3) kaedah yang boleh digunakan majikan atau industri untuk melaksanakan peraturan baru ini. Walaubagaimanapun dalam menjalankan pelaksanaan ini, majikan tidak dibenarkan mengurangkan gaji pekerja. Antara kaedah yang boleh digunakan oleh majikan adalah mengurangkan waktu bekerja dalam seminggu, contohnya waktu bekerja 8 jam sehari boleh dikurangkan kepada 7.5 jam sehari. Majikan juga boleh mengurangkan waktu kerja ini dalam mana-mana hari dalam seminggu. Waktu bekerja pada hari Sabtu juga boleh dikurangkan. Cara pelaksanaan adalah bergantung kepada kesediaan majikan di mana ianya tidak melebihi 45 jam seminggu. Mana-mana kaedah boleh digunapakai mengikut kesesuaian operasi masing-masing.

Pelaksanaan ini diharapkan dapat memberi lebih banyak masa kepada pekerja untuk berehat dan memberi kesan kepada produktiviti disebabkan pekerja mendapat rehat yang secukupnya.

4. PELAKSANAAN DALAM ASPEK KEHARMONIAN PERUSAHAAN

Keharmonian perusahaan memainkan peranan penting antara majikan dan pekerja. Peranan majikan dan pekerja dalam memastikan organisasi sentiasa berada dalam keadaan aman dan harmoni juga penting untuk membantu kestabilan ekonomi negara. Keharmonian perusahaan melambangkan hubungan kerja yang sihat dan bekerjasama antara majikan dan pekerja.

Pengurangan waktu kerja dari 48 jam seminggu kepada 45 jam seminggu adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan pekerja serta memberi kelonggaran dalam waktu bekerja selaras dengan Konvensyen Buruh Antarabangsa (ILO).

Kajian menunjukkan pekerja yang sihat dan ceria sentiasa mempunyai motivasi dan semangat kerja yang lebih tinggi di mana dapat menjamin kadar produktiviti dan efisien untuk terus berada pada kualiti yang tinggi.

Oleh itu, kecekapan perkhidmatan boleh ditingkatkan dengan pekerja yang kompeten yang berkemahiran dalam memenuhi kehendak dan jangkaan organisasi di tempat kerja. Pelaksanaan ini akan berjaya sekiranya setiap pekerja mengamalkan kepimpinan sendiri iaitu kebolehan mempengaruhi diri sendiri bertindak lebih baik dengan memperoleh maklumat jelas untuk mencapai kejayaan. Dalam pelaksanaan ini pekerja tidak perlu diberi tekanan melampau. Pekerja yang bekerja dalam persekitaran yang sihat akan bekerja dengan tekun, dedikasi dan kompeten.

Kepimpinan sendiri ini mempunyai potensi dalam menaikkan produktiviti sekiranya memenuhi tiga (3) kriteria iaitu pertamanya meletakkan matlamat jelas untuk dicapai, minda pekerja dilatih pekerja untuk melaksanakan tugas dengan menggunakan masa dengan baik agar tiada isu penangguhan kerja dan menjadikan produktif dalam pelaksanaan 45 jam seminggu. Keduaanya adalah peringatan sendiri yang dinyatakan daya kawalan kongnitif individu kepada diri sendiri. Pekerja akan merasa tahap produktiviti pada sesuatu masa dan memberi peringatan kepadanya. Mekanisme ini dapat mengurangkan sikap tidak acuh dalam bekerja kerana mempunyai kesedaran menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan. Ketiga adalah ganjaran semulajadi iaitu pekerja merasa bahagia apabila melakukan tugas dengan mencari aspek kebahagiaan. Ketiga-tiga elemen ini dapat mencetuskan peningkatan produktiviti dengan disiplin dan tanggungjawab yang diperlukan dalam sesebuah organisasi.

Dalam aspek keharmonian perusahaan, pengurangan waktu kerja ini dapat memberikan waktu rehat yang cukup, masa bersama keluarga juga dapat lebih berkualiti, secara tidak langsung dapat menjadikan setiap pekerja lebih berdisiplin dan bertanggungjawab dan seterusnya dia berasa lebih seronok dan bahagia dalam melaksanakan pekerjaan. Persekitaran yang harmoni ini dapat mempengaruhi kualiti produk, perkhidmatan, produktiviti, keutuhan organisasi persaingan dalam organisasi dan kesejahteraan pekerja.

5. KESIMPULAN

Pelaksanaan pengurangan waktu kerja mingguan daripada 48 jam kepada 45 jam akan mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2023. Dalam pelaksanaan ini majikan seharusnya telah bersedia. Penangguhan telah diberi oleh kerajaan dengan mengambil kira bahawa majikan masih dalam proses pemulihan ekonomi di samping menghadapi isu kekurangan tenaga kerja. Mulai 1 Januari 2023, pindaan ini akan dikuatkuasakan dan tiada lagi penangguhan akan diberikan.

Pengurangan waktu kerja ini merupakan satu elemen dalam keharmonian perusahaan yang menjadi penanda aras yang baik antara majikan dan pekerja untuk faedah bersama. Bekerja 45 jam seminggu tidak akan merencatkan prestasi dan produktiviti sekiranya setiap pekerja mengguguli autonomi diberi dengan disiplin serta bertanggungjawab.

RUJUKAN

Akta Kerja 1955

Akta Perhubungan Perusahaan 1967

Dr.Hadijah Ahmad (2022), 3 Ciri kepimpinan diri jayakan langkah kurangkan jam bekerja, dlm Berita Harian,bhrencana@bh.com.my

Zoharah Or Dahlia Z x Bahaman,A.S (2017) Kajian Indeks Keharmonian Perusahaan merentas industry di Malaysia : Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pendidikan UPM

Disediakan oleh;

Rohizah Binti Mohamad Razali

Jabatan Perhubungan Perusahaan Pahang

18 Oktober 2022